Pertimbangan Dasar

Sorotan mesyuarat MPC bulan Mei

- Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00% pada mesyuarat MPC bulan Januari dan Mac 2024, juga pada mesyuarat MPC bulan Mei 2024 baru-baru ini.
- MPC kekal berwaspada terhadap perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

Dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan ekonomi

Pada mesyuarat MPC bulan Januari dan Mac 2024 serta pada mesyuarat MPC bulan Mei baru-baru ini, MPC telah mengekalkan OPR pada 3.00%.

Pada mesyuarat bulan Mei, MPC menilai bahawa ekonomi global terus berkembang berikutan pasaran pekerja yang berdaya tahan di beberapa negara dan pemulihan perdagangan global yang berterusan. Pada masa hadapan, pertumbuhan global dijangka berkekalan kerana rintangan daripada dasar monetari yang ketat dan sokongan fiskal yang berkurang akan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang positif serta inflasi yang terus menurun. Perdagangan global dijangka terus kukuh berikutan peningkatan kitaran teknologi yang berterusan. Walaupun inflasi keseluruhan dan inflasi teras global terus menurun pada bulan-bulan kebelakangan ini, kadar disinflasi telah menjadi perlahan di beberapa ekonomi maju. Hal ini meningkatkan prospek kadar faedah untuk kekal tinggi bagi masa yang lebih lama, khususnya di Amerika Syarikat (AS). Prospek pertumbuhan terus bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan, disebabkan terutamanya oleh ketegangan geopolitik yang semakin meruncing, inflasi sebenar yang lebih tinggi daripada jangkaan dan volatiliti dalam pasaran kewangan global.

Bagi ekonomi Malaysia, penunjuk terkini setakat pada mesyuarat MPC bulan Mei mencatatkan aktiviti ekonomi yang lebih giat pada suku pertama tahun 2024. Hal ini didorong oleh perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan dan pemulihan eksport yang positif. Pada masa hadapan, momentum pemulihan eksport dijangka bertambah baik, disokong oleh kitaran menaik teknologi global serta eksport barangan bukan elektrik dan elektronik yang terus kukuh. Ketibaan dan perbelanjaan pelancong juga dijangka terus meningkat. Pertumbuhan guna tenaga dan upah yang berterusan kekal menyokong perbelanjaan isi rumah. Aktiviti pelaburan akan disokong oleh projek berbilang tahun dalam sektor swasta dan awam yang sedang dijalankan, pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah beberapa pelan induk nasional serta lebih banyak pelaburan yang diluluskan kini direalisasikan. Prospek pertumbuhan bergantung pada risiko pertumbuhan menjadi perlahan yang berpunca daripada permintaan luaran yang lebih lemah daripada jangkaan serta penurunan pengeluaran komoditi yang lebih besar. Sementara itu, pertumbuhan menjadi lebih tinggi berpunca terutamanya daripada limpahan peningkatan kitaran teknologi yang lebih besar, aktiviti pelancongan yang lebih giat serta pelaksanaan yang lebih pantas bagi projek sedia ada dan projek baharu.

Pertimbangan Dasar

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing berpurata pada 1.7% dan 1.8% pada suku pertama tahun 2024. Pada masa hadapan, inflasi pada tahun 2024 dijangka kekal sederhana, mencerminkan secara amnya keadaan permintaan yang stabil dan tekanan kos yang terkawal. Prospek tahun ini bergantung pada pelaksanaan dasar dalam negeri mengenai subsidi dan kawalan harga, serta perkembangan harga komoditi dan pasaran kewangan global. Setelah mengambil kira kesan yang mungkin berlaku berikutan rasionalisasi subsidi, inflasi keseluruhan dan inflasi teras masing-masing diunjurkan berpurata antara 2% hingga 3.5% dan 2% hingga 3% pada tahun ini.

Ringgit pada masa ini tidak mencerminkan asas ekonomi dan prospek pertumbuhan Malaysia. Faktor luaran iaitu peralihan jangkaan berhubung dengan haluan dasar monetari di ekonomi utama dan ketegangan geopolitik yang berterusan telah menyebabkan volatiliti yang ketara dalam aliran modal dan kadar pertukaran di seluruh rantau ini, termasuk ringgit. Inisiatif terselaras oleh Kerajaan dan BNM dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Companies, GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Investment Companies, GLIC) serta libat urus syarikat korporat telah membuahkan hasil, lantas mengurangkan tekanan ke atas ringgit. BNM akan terus menguruskan risiko yang berpunca daripada volatiliti pasaran kewangan. Pada tempoh jangka sederhana, pembaharuan struktur dalam negeri akan memberikan sokongan yang lebih berpanjangan kepada ringgit.

Pada tahap OPR semasa, MPC berpandangan bahawa pendirian dasar monetari terus menyokong ekonomi dan konsisten dengan penilaian semasa berhubung dengan prospek inflasi dan pertumbuhan. MPC tetap berwaspada terhadap perkembangan semasa bagi memaklumkan penilaian prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri. MPC akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil.